

26 MAR 1998
Komanwel-sukarelawan
SUKOM LATIH 15,470 ORANG SUKARELAWAN

Oleh: Asan Ahmad

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Seramai 15,470 orang sukerelawan Sukom telah mengikuti kursus orientasi sejak pelancarannya penghujung tahun lalu.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kursus yang dijalankan adalah mengikut bidang tugas yang telah dipertanggungjawab kepada mereka semasa Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98' nanti.

Sukom Ninety Eight Berhad akan menggunakan seramai 16,632 orang tenaga sukarelawan semasa temasya itu dan jumlah itu akan dipecahkan mengikut keperluan di semua pusat dan acara sukan yang dipertandingkan.

Antara sukarelawan yang telah mengikuti latihan setakat ini ialah kumpulan penyelia, protokol, teknologi maklumat, pemandu, pembawa pingat, penjual tiket sementara yang lainnya yang belum mengikuti kursus ini termasuk pekerja am akan mula dilatih mulai bulan depan.

Kita akan mengendalikannya berperingkat-peringkat mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh bahagian sumber manusia Sukom Ninety Eight Berhad, kata Muhyiddin selepas taklimat mengenai sukarelawan sukom di pejabatnya di sini petang ini.

Katanya, sukarelawan ini akan mula diuji keberkesanan mereka semasa pra-Sukan Komanwel Julai ini. Setakat ini Sukom masih belum membuat pecahan terhadap jumlah sukarelawan yang akan ditempatkan di semua venue kerana fokus sekarang ialah untuk melengkapkan mereka dengan segala bentuk kemahiran mengikut bidang tugas.

Apabila temasya itu bermula pada 11-21 Sept kelak, Sukom memberi jaminan untuk membantu mereka mengenai soal pengangkutan terutama sukarelawan yang datang dari luar Lembah Klang. Mereka akan ditempatkan di kampus UPM di Bangi.

"Sukom akan menyediakan pengangkutan kepada mereka untuk pergi ke venue tetapi sukarelawan dari Lembah Klang dinasihatkan agar menggunakan kenderaan sendiri dan mereka akan dibekalkan dengan peruntukkan untuk kos pengangkutan," kata Muhyiddin.

Perjumpaan raksaksa untuk sukarelawan ini akan diadakan pada 26 April di Dataran Merdeka dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan kata-kata amanat kepada mereka di perhimpunan itu.

Sementara itu, ejen tiket Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98', Ticket Express Sdn Bhd, hendaklah memperbetulkan dengan segera promosi penjualan tiket terutama kepada pasaran tempatan.

"Saya telah menggesa Sukom Ninety Eight Berhad dan Ticket Express agar mengemaskinikan strategi mereka yang masih hambar yang sehingga kini masih mengelirukan orang ramai," kata Muhyiddin.

Katanya, orang ramai masih tertanya-tanya bagaimana untuk mendapatkannya dan keadaan ini seolah-olah menunjukkan kita tidak menjalankan sebarang kempen terhadap penjualan itu.

Jika stesen minyak petronas telah dilantik sebagai ejen untuk membuat tempahan, pihak Ticket Express hendaklah menjelaskan dengan terperinci stesen-stesen yang telah dilantik dan begitu pula halnya dengan Pejabat Pos dan Bank Bumiputera (BBMB) yang turut dilantik sebagai ejen penjualan.

"Jika boleh semua pejabat pos dan BBMB di seluruh negara hendaklah dilantik untuk tujuan itu dan pihak Ticket Express hendaklah memastikan adanya kaunter khas diwujudkan," katanya.

Kempen penerangan dari satu negeri ke satu negeri juga boleh dibuat kerana dengan cara ini orang ramai akan mengetahui dengan lebih jelas lagi

mengenai promosi penjualan itu. -- BERNAMA
AHA AO